

# Penerokaan Amalan Pengajaran Terbaik dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Satu Kajian Perspektif Guru Bahasa Arab di Daerah Temerloh Pahang

## *Exploring the Best Teaching Practices in Enhancing Arabic Writing Skills: A Study on the Perspective of Arabic Language Teachers at Temerloh District, Pahang*

Yasmin Hussain<sup>1</sup> & Mohammad Taufiq Abdul Ghani<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia;

Article progress

Received: 30 January 2024

Accepted: 21 May 2024

Published: 31 May 2024

\*Corresponding author:  
Mohammad Taufiq Abdul Ghani, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia;  
Email: taufiq@fbk.upsi.edu.my

**Abstrak:** Kemahiran menulis bahasa Arab merupakan aspek penting dalam pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar. Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan pengajaran terbaik yang dapat meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar di daerah Temerloh, Pahang. Fokus utama adalah pada perspektif guru bahasa Arab yang berperanan penting dalam memberikan panduan dan sokongan kepada pelajar. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan seramai 10 orang guru bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama (SMA) di daerah Temerloh, Pahang sebagai peserta kajian. Peserta kajian dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Protokol temu bual separa berstruktur digunakan sebagai instrumen utama kajian ini bagi mengumpul data. Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian ATLAS.ti. Hasil dapatan menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran abad ke-21 (PAK21), bimbingan proses dan penilaian bermakna merupakan amalan pengajaran terbaik yang dilaksanakan oleh guru bahasa Arab dalam usaha meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

**Kata kunci:** Kemahiran Menulis, Bahasa Arab, Pengajaran Bahasa, PAK21, Guru Bahasa Arab;

**Abstract:** The proficiency in Arabic writing skills is a crucial aspect of language learning among students. This study aims to explore the best teaching practices that can improve Arabic writing skills among students at Temerloh district, Pahang. The primary focus is on the perspectives of Arabic language teachers who play a vital role in providing guidance and support to students. This qualitative study involves 10 Arabic language teachers from Islamic Secondary Schools (Sekolah Menengah Agama) at Temerloh district, Pahang, as participants. The participants were purposively selected using a targeted sampling technique. A semi-structured interview protocol was employed as the main instrument to collect data. Subsequently, the obtained data were thematically analyzed using the ATLAS.ti software. The findings indicate that 21st-century learning, meaningful guidance processes, and assessment practices are significant teaching practices implemented by Arabic language teachers in enhancing Arabic writing skills among students.

**Keywords:** Writing Skills, Arabic Language, Language Teaching, 21st

## Pengenalan

Bahasa ialah satu medium yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dan bertukar pendapat antara satu sama lain (Kamus Dewan, 2010). Bahasa digunakan untuk berkomunikasi, menyampaikan pendapat dan argumentasi kepada pihak lain. Ini menjadikan peranan bahasa sangat dominan dalam kehidupan manusia (Okarisma et al., 2022). Bahasa Arab merupakan bahasa pengantar yang utama di 22 buah negara Arab dan menjadi bahasa kedua di kebanyakan negara Islam (Azlan Shaiful et al., 2022). Bahasa ini telah menjadi bahasa agama, bahasa ilmu pengetahuan, bahasa komunikasi rasmi antarabangsa, bahasa perdagangan, bahasa ekonomi, bahasa kebudayaan dan teknologi, bahasa hukum dan sebagainya. Oleh itu, pembelajaran bahasa Arab semakin meluas di pelbagai negara bukan sahaja di dunia Islam, malah juga di negara-negara Eropah.

Menurut Nafi @ Hanafi et al. (2017), pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia semakin berkembang dari semasa ke semasa. Ia bermula dari peringkat sekolah rendah melalui pelaksanaan program Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) yang diperkenalkan pada tahun 2005. Di peringkat sekolah menengah pula, pembelajaran bahasa Arab sudah bermula sejak tahun 1977 dan berterusan sehingga ke hari ini. Kini, pembelajaran ini terus berkembang pesat ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Buktinya, hampir semua universiti awam menawarkan subjek bahasa Arab sebagai subjek utama atau subjek elektif (Mualimin, 2017).

Bahasa Arab dalam konteks pendidikan di Malaysia dikategorikan sebagai bahasa asing seperti bahasa Jerman, Jepun dan Perancis (Akta Pendidikan, 1996). Bahasa asing merujuk kepada satu bahasa yang bukan bahasa ibunda, bukan bahasa kebangsaan dan bukan juga bahasa rasmi di sesebuah negara (Zawiyah, 2015). Kemahiran berbahasa pula merupakan kebolehan seseorang menguasai sesuatu bahasa. Kemahiran berbahasa meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Anuar, 2019). Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan aspek asas yang paling penting dalam kemahiran berbahasa. Kemahiran mendengar membolehkan seseorang memperoleh dan memproses maklumat dengan tepat. Manakala kemahiran bertutur meliputi keupayaan seseorang bertutur, berkomunikasi atau berinteraksi untuk menyampaikan idea dan pandangan dalam percakapan atau perbualan.

Seterusnya, kemahiran membaca merupakan keupayaan seseorang untuk memindahkan tulisan kepada suara dan memahami apa yang dibaca. Manakala, kemahiran menulis pula ialah keupayaan seseorang untuk menyampaikan buah fikiran dan idea secara bertulis.

## Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab telah diperkenalkan kepada pelajar sejak di peringkat sekolah rendah. Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran subjek bahasa Arab menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Kurikulum-kurikulum ini memberi penekanan kepada penguasaan empat kemahiran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran-kemahiran tersebut telah dinyatakan secara spesifik dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Prestasi (SP) yang telah ditentukan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2023).

Di peringkat sekolah menengah, terdapat dua jenis kurikulum Bahasa Arab iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Antara mata pelajaran dalam KBD ialah Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Muasiroh (LAM), Usul al-Din, Al-Syariah, Manahij al-Ulum al-Islamiyah dan Al-Adab wa al-Balaghah (Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz, 2015). Sekolah yang menggunakan silibus KSSM dalam pembelajaran Bahasa Arab ialah Sekolah Menengah Agama (SMA) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Manakala silibus Bahasa Arab KBD pula dilaksanakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bermula tahun 2015 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014).

Antara standard kandungan kemahiran menulis KSSM bagi pelajar Tingkatan 1 ialah menulis perenggan pendek yang mengandungi 4 jumlah *mutarobitoh*/ ayat (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2015). Manakala bagi pelajar Tingkatan 2 dan 3 pula ialah menulis perenggan pendek yang mengandungi 5 ayat (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016) atau 7 ayat (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2017). Bagi pelajar Tingkatan 4, standard kandungan kemahiran menulis ialah menulis karangan kurang dari 80 patah perkataan. Manakala bagi pelajar Tingkatan 5 pula ialah menulis karangan melebihi 120 patah perkataan (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2018).

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, kemahiran berbahasa terbahagi kepada empat iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Semua kemahiran ini mestilah dipelajari secara berperingkat iaitu bermula dengan kemahiran yang mudah sehingga kemahiran yang kompleks (Anuar, 2019). Di peringkat sekolah rendah, pelajar diajar kemahiran menulis peringkat rendah iaitu menulis huruf, ayat dan perkataan dengan betul (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2019). Di peringkat sekolah menengah pula, pelajar mempelajari kemahiran menulis perkataan, rangkai kata, ayat dan perenggan serta mempelajari cara menjana idea melalui pelbagai bentuk penulisan (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2018).

Menurut Pasand dan Haghi (2013), menulis adalah salah satu kemahiran yang paling kritikal dalam mempelajari bahasa asing. Ini menjadikan kemahiran menulis karangan adalah kemahiran yang paling sukar dipelajari berbanding tiga kemahiran lain iaitu membaca, mendengar dan bertutur (Muhammad Azhar et al., 2015). Walaupun kemahiran ini dianggap mencabar kerana melibatkan tahap kognitif pelajar, ia perlu dikuasai dengan baik kerana menulis adalah kemahiran terpenting dalam pembelajaran sesebuah bahasa. Tambahan pula, tahap kemahiran menulis ini juga dinilai dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui peperiksaan awam, termasuklah bagi mata pelajaran bahasa Arab (Ahmad Fuad et al., 2019).

Penguasaan penulisan karangan pelajar sekolah menengah masih berada pada tahap lemah dan sederhana (Muhammad Zahri & Muhammad Haron, 2016; Sumaiyah et al., 2018; Azlan & Mohamad Hazwan, 2020). Perkara ini agak membimbangkan kerana pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah di Malaysia sudah berlangsung begitu lama serta telah banyak dilakukan perubahan dan penambahbaikan kurikulum bagi subjek ini seperti semakan kurikulum, penambahbaikan pedagogi dan lain-lain. Namun begitu, isu ini masih lagi tidak dapat diatasi dengan berkesan (Muhammad Zahri & Muhammad Haron, 2016).

Antara faktor kelemahan pelajar dalam penulisan karangan adalah kerana banyak melakukan kesilapan tatabahasa dalam karangan seperti kesalahan penggunaan jantina, kata ganti nama diri dan frasa (Nor Effendy & Mohammad Rofian, 2017). Menurut Nur Anisa Zakiah (2022), antara faktor kelemahan pelajar bukan penutur jati dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab ialah disebabkan oleh kosa kata yang terhad, tidak menguasai kaedah tatabahasa (nahu) dan tiada susunan idea dalam penulisan yang dihasilkan.

Kesimpulannya, kelemahan penulisan karangan adalah antara isu yang perlu diberi perhatian serius

dalam dunia pendidikan masa kini (Aman Shah et al., 2021). Tambahan pula, sistem peperiksaan di Malaysia menekankan aspek penulisan sebagai satu komponen yang penting untuk dinilai. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Agama di daerah Temerloh yang menggunakan silibus KSSM bahasa Arab. Berpandukan DSKP KSSM bahasa Arab Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5, pelajar telah mempelajari kemahiran menulis ayat bermula daripada penulisan perenggan pendek sehingga penulisan karangan panjang.

## Metodologi

Kajian kualitatif ini melibatkan temu bual dengan 10 orang guru bahasa Arab di daerah Temerloh, Pahang. Sampel dipilih secara teknik persampelan bertujuan, di mana pemilihan responden dilakukan dengan penuh pertimbangan untuk memastikan kepelbagaiannya latar belakang dan pengalaman dalam kalangan guru serta guru memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji agar dapat memberikan maklumat yang terperinci. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mendapatkan data yang mendalam melalui pandangan yang bervariasi daripada responden. Analisis tematik kemudiannya digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan dan mengenal pasti corak serta tema yang berkaitan dengan amalan pengajaran terbaik. Ciri-ciri responden adalah seperti berikut:

1. Guru bahasa Arab yang mempunyai lebih dari lima tahun pengalaman mengajar bahasa Arab.
2. Guru bahasa Arab sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan atau setara.
3. Guru tidak mempunyai kepentingan khusus dalam pihak berkepentingan.
4. Guru mampu memberi komitmen sepanjang tempoh kajian dilaksanakan.

## Dapatan Kajian

Melalui temu bual yang dijalankan bersama 10 orang guru bahasa Arab berkaitan amalan pengajaran terbaik bagi meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab pelajar, terdapat tiga tema utama iaitu aktiviti pembelajaran abad ke-21(PAK21), bimbingan proses dan penilaian bermakna.

### Aktiviti Pembelajaran Abad ke-21

Menerusi temu bual yang telah dijalankan, aktiviti PAK21 seperti aktiviti berkumpulan perlu dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran menulis

bahasa Arab kerana ia dapat menjimatkan masa dan dapat menggalakkan sesi perbincangan. Hal ini dinyatakan oleh responden ketiga dan keempat:

*“Tapi kalau nak cepat tu Ustaz akan bahagi kumpulanlah...sebab kalau suruh cari sendiri tu makan masa sikit...jadi.bila dalam kumpulan boleh bincang kan...”* (1:4).

*“kalau nak bincang dengan kawan pun boleh...sebab pelajar ni memang kedudukan meja dia dah dalam bentuk kumpulan..... jadi kalau nak bincang sama-sama tu tak ada masalah lah...”* (1:6).

Selain itu, melalui pelaksanaan aktiviti berkumpulan juga, guru haruslah mengambil kira tahap penguasaan pelajar dengan menempatkan pelajar cemerlang bersama dengan pelajar kurang cemerlang dalam satu kumpulan yang sama. Ini dapat mewujudkan proses pembelajaran rakan sebaya.

Seterusnya, penggunaan teknologi dalam PdP menulis bahasa Arab juga dapat meningkatkan fokus pelajar kerana mereka akan bersemangat untuk mengikuti PdP serta dapat membantu pelajar mendapatkan gambaran keseluruhan tentang idea yang akan ditulis pelajar dan memberi peluang untuk mencari pengetahuan secara kendiri. Perkara ini dinyatakan oleh responden keenam iaitu:

*“Pendapat ustaz baguslah gunakan pak21 dalam pdp tulis karangan... contohnya guna teknologi macam video, gambar, dan sebagainyalah..... Sebab pelajar akan rasa semangat nak belajar...”* (1:25).

### Bimbingan Proses

Seterusnya, amalan pengajaran oleh guru bahasa Arab di daerah Temerloh dalam meningkatkan kemahiran menulis pelajar ialah bimbingan proses. Antara teknik bimbingan proses yang dijalankan oleh para guru ialah melalui perbincangan kandungan. Perbincangan kandungan ialah sesi perbincangan antara guru dan pelajar mengenai isi kandungan sebelum pelajar mula menulis. Contohnya pendahuluan, isi penting, huriaian dan diakhiri dengan contoh bagi setiap perenggan. Proses perbincangan kandungan ini dinyatakan oleh responden keenam iaitu:

*“Biasanya ustaz akan bincanglah dengan pelajar isi satu apa isi dua apa..... Lepas tu baru pelajar buat ayat sendiri”* (1:11).

Selain itu, melalui proses perbincangan kandungan juga memberi kesan positif terhadap kualiti penulisan pelajar kerana ia dapat membimbing pelajar

mendapatkan idea untuk ditulis. Di samping itu, terdapat juga responden yang mengatakan bahawa perbincangan kandungan ini lebih ditekankan semasa proses PdP penulisan aras tinggi berbanding penulisan aras rendah seperti yang dinyatakan oleh responden kelapan iaitu:

*“yang agak susah macam karangan, skop negara ataupun antarabangsa... yang tu saya akan buat sama-sama dengan pelajarlah....Cuma..kalau karangan yang mudah-mudah yang pelajar ni pernah buat sebelum ni mungkin saya akan tunjuk apa yang perlu je lah....”* (1:14).

Selain itu, melalui teknik penyoalan oleh guru juga dapat merangsang pemikiran pelajar. Ia juga dapat membantu guru menilai tahap penguasaan dan pemahaman pelajar dalam pembelajaran. Hal ini disokong oleh responden kelapan yang mengatakan :

*“kemudian ustazah akan tanya soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk karangan tu.... Sebabnya kita nak tahu apa yang pelajar faham daripada soalan tu...”* (1:13).

### Penilaian Bermakna

Penilaian bermakna merupakan salah satu amalan yang dilaksanakan oleh guru bahasa Arab di daerah Temerloh dalam usaha meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Terdapat dua jenis bentuk penilaian yang dilaksanakan oleh para guru bahasa Arab iaitu penilaian secara langsung di hadapan pelajar dan penilaian rakan sebaya. Penilaian hasil penulisan di hadapan pelajar membolehkan guru membentulkan kesilapan secara langsung di hadapan pelajar seperti dinyatakan oleh responden ketiga:

*“Kalau kebetulan ustaz tanda kelas yang sama...mungkin lah ustaz akan panggil pelajar tu...nanti kalau ada salah dekat mana-mana ke, ustaz boleh betulkan terus depan dia...bagi dia nampak terus kan... ataupun kalau ada apa-apa komen, ustaz boleh terus cakap depan dia..”* (1:16).

Seterusnya, para guru juga turut menjalankan aktiviti penilaian rakan sebaya. Pelajar diberi peluang untuk menilai hasil penulisan rakan sekelas mereka dengan bimbingan guru seperti dinyatakan oleh responden kelima, sembilan dan tujuh.

*“Dari segi menanda tu kadang-kadang saya akan tanda sendiri, tapi ada jugak saya semak sekali dengan pelajarlah. Maksudnya dia semak karangan kawan-kawan dia yang lain.”* (1:18).

Hal ini turut disokong oleh responden kesembilan yang mengatakan:

*“Ya... ada jugak saya mintak pelajar semak karangan kawan dia yang lain.... tapi bukan kita bagi dia semak ikut suka.... Kita akan bincanglah sama-sama dalam kelas..” (1:21).*

Selain itu, terdapat juga responden yang mengatakan bahawa penyemakan rakan sebaya hanya dilakukan terhadap kesalahan-kesalahan kecil sahaja seperti kesalahan ejaan dan tatabahasa. Ini boleh dilihat daripada kenyataan responden ketujuh iaitu:

*“Yaa ada juga saya mintak tukar dengan kawan yang lain untuk tanda. Tapi...tak bolehlah kita mintak dia check ayat tu betul ke tidak kan... sebab diorang ni pun tengah belajar lagi buat ayat.... Cuma kalau nak semak salah eja, ataupun salah nahu ke, tu bolehlah.... Kalau check ayat, ataupun idea tu, kena cikgulah yang tengok....” (1:19).*

Kesimpulannya, berdasarkan temu bual bersama responden, kajian ini telah mengenalpasti terdapat tiga amalan pengajaran yang digunakan oleh guru bahasa Arab dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar di daerah Temerloh semasa menjalankan proses PdP. Pertama, PdP yang berkonsepkan PAK-21. Kedua, bimbingan guru sepanjang proses penulisan dan ketiga, penilaian terhadap hasil penulisan pelajar. Oleh itu, ketiga-tiga amalan ini telah dikenalpasti sebagai dapatkan kajian dan merupakan amalan pengajaran terbaik bagi meningkatkan kemahiran pelajar.

## Perbincangan

Dalam era digital yang berkembang dengan sangat pesat ini, generasi pelajar di zaman ini dikatakan belajar secara berbeza, dimotivasi secara berlainan dan tidak semestinya bertindak balas seperti generasi sebelum mereka. Oleh itu, pelbagai pembaharuan dan penambahbaikan seperti pengenalan kurikulum yang sedang digunakan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara selaras dengan perkembangan ekonomi dan teknologi semasa. Teknik pengajaran dan pembelajaran juga mengalami pelbagai perubahan dan pembaharuan daripada kaedah tradisional kepada pengajaran berkonsepkan abad ke-21.

Hasil dapatan temu bual menunjukkan bahawa, pengimplementasian teknik pengajaran abad ke-21 (PAK-21) memberi kesan positif terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Hal ini kerana, pengajaran abad ke-21 menerapkan pelbagai elemen dan kemahiran yang membentuk kemenjadian pelajar. Menurut Persatuan Pendidikan Kebangsaan (NEA) Amerika Syarikat, kemahiran komunikasi dan kolaborasi

merupakan antara elemen yang sangat penting dalam pendidikan abad ke-21. Ia saling berkait antara satu sama lain. Kemahiran komunikasi ialah kemampuan untuk menyampaikan idea dengan jelas melalui penulisan atau pertuturan. Ia seringkali digabungkan dengan kemahiran kolaboratif iaitu pengaplikasian kemahiran komunikasi melalui aktiviti berkumpulan untuk mencapai sesuatu matlamat bersama (Seefeldt, 2011).

Hasil kajian turut mendapati elemen koperatif dan kolaboratif diterapkan dalam PdP menulis karangan bahasa Arab iaitu melalui pelaksanaan aktiviti berkumpulan. Pelaksanaan aktiviti berkumpulan dapat meningkatkan kemahiran menulis karangan bahasa Arab kerana ia menggalakkan perbincangan aktif dan pertukaran idea sesama pelajar. Hal ini kerana, dalam pembelajaran koperatif, pelajar akan berinteraksi sesama ahli kumpulan dan saling bekerjasama untuk mencapai matlamat (Zuriatun Hasanah & Ahmad Shofiyul Himami, 2021). Setiap ahli kumpulan akan dilibatkan dalam proses penulisan seperti mencari isi penting, membuat huraian dan mengenalpasti contoh-contoh yang bersesuaian. Di akhir proses ini, pelajar akan bersama-sama membentuk dan menyusun perenggan hingga menjadi sebuah karangan yang lengkap.

Di samping itu juga, hasil dapatan temu bual menunjukkan bahawa bimbingan proses merupakan antara teknik pengajaran PdP menulis karangan bahasa Arab. Bimbingan guru penting untuk membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam penulisan karangan (Norafidah, 2017). Dapatkan temu bual menunjukkan, kebanyakan responden melakukan perbincangan terlebih dahulu bersama pelajar sebelum pelajar melengkapkan keseluruhan karangan. Pada peringkat permulaan, responden akan menerangkan terlebih dahulu arahan soalan. Hal ini dilakukan bagi mengelakkan pelajar tersilap memahami arahan soalan dan seterusnya menyebabkan penulisan yang dihasilkan tidak memenuhi kehendak soalan. Setelah itu, responden akan berbincang dengan pelajar tentang isi kandungan karangan dan perkara-perkara yang perlu dimasukkan ke dalam karangan tersebut. Bimbingan guru dalam proses menulis karangan memberi kesan positif terhadap kualiti penulisan pelajar.

Hal ini disokong oleh teori konstruktivisme yang mendasari kajian ini. Ini kerana, bimbingan proses merupakan antara kaedah penulisan yang bercirikan konstruktivisme. Karangan diajar dengan mementingkan proses, bukan hasil semata-mata. Ini kerana, guru yang mengajar berfokuskan kepada hasil semata-mata akan menyebabkan murid lebih berusaha untuk menyiapkan karangan tanpa belajar untuk menguasai kemahiran yang sepatutnya diperolehi sepanjang proses pembelajaran. Oleh itu, dalam teori konstruktivisme, setiap komponen karangan diajar secara berasingan agar murid dapat

menguasai setiap kemahiran dengan baik. Pengetahuan dan kemahiran itu dapat dijadikan panduan kepada pelajar bagi membina pengetahuan baharu dalam menghasilkan karangan.

Selain perbincangan kandungan, kaedah soal jawab juga penting untuk meningkatkan kemahiran pelajar menulis karangan bahasa Arab. Soal jawab boleh didefinisikan sebagai kebolehan guru menggunakan ayat tanya bagi menjana pemikiran pelajar secara efektif (Parimala, 2022). Soal jawab dapat merangsang pemikiran pelajar dan membantu guru menilai tahap pemahaman pelajar melalui tindak balas yang ditunjukkan.

Seterusnya, hasil dapatan temu bual menunjukkan bahawa kaedah penilaian bermakna juga dapat meningkatkan kemahiran menulis karangan pelajar. Penilaian adalah sebahagian daripada proses PdP yang sangat penting. Melalui penilaian, guru dapat mengetahui kemajuan dan prestasi pembelajaran pelajar (Noradzimah et al., 2021). Penilaian bermakna dalam penulisan karangan ialah memberi perhatian kepada lima perkara iaitu isi, tujuan, binaan ayat, ketepatan bahasa dan makna serta gaya bahasa yang digunakan. Kelima-lima perkara ini boleh dinilai secara berfokus atau keseluruhan bergantung kepada objektif penulisan atau objektif pengajaran guru pada hari tersebut (Norafidah, 2017).

Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga keadaan penilaian karangan pelajar. Pertama, penilaian guru secara bersendirian. Kedua, penilaian guru di hadapan pelajar dan yang ketiga ialah penilaian rakan sebaya. Menurut responden, kaedah penilaian karangan di hadapan pelajar lebih efektif kerana sebarang pembetulan, teguran dan cadangan penambahbaikan boleh dibuat secara terus di hadapan pelajar. Oleh itu, pelajar akan lebih berhati-hati dan cakna dalam penulisannya akan datang.

Selain penilaian di hadapan pelajar, penilaian rakan sebaya juga merupakan antara kaedah penilaian bermakna. Ia merupakan prinsip penting dalam pendekatan konstruktivisme iaitu pelajar diberi peluang untuk menilai hasil kerja rakan lain dengan bimbingan guru sebelum penambahbaikan dibuat (Norafidah, 2017). Tugas menyemak hasil kerja pelajar sememangnya merupakan tanggungjawab guru, namun pelajar juga perlu didedahkan dengan proses ini agar mereka dapat membuat penambahbaikan terhadap karangan yang telah dihasilkan. Penguasaan pelajar dalam penulisan karangan boleh ditingkatkan apabila mereka dibimbing untuk melihat semula karangan rakan sebaya mereka kemudian menilainya secara kritis.

Melalui penilaian rakan sebaya juga, pelajar dapat mempelajari pelbagai pengetahuan baru dalam penulisan karangan khususnya kesalahan-kesalahan tatabahasa. Hal ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Colognesi et al. pada tahun 2020 mengenai penilaian rakan sebaya terhadap kemahiran lisan pelajar sekolah rendah. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa penilaian rakan sebaya memberi hubungan timbal balik antara pelajar yang menilai dan rakan yang dinilai. Ini membolehkan kedua-dua belah pihak memperoleh pengetahuan antara satu sama lain.

## Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka bentuk amalan yang dilaksanakan oleh para guru bahasa Arab di daerah Temerloh, Pahang dalam usaha meningkatkan prestasi kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Kajian ini dijangkakan dapat memberikan panduan yang lebih jelas mengenai amalan pengajaran terbaik untuk meningkatkan kemahiran menulis Bahasa Arab di daerah Temerloh, Pahang. Impak kajian ini dijangkakan dapat menyumbang kepada bidang pengajaran Bahasa Arab dan membimbang guru bahasa Arab dalam meningkatkan dan memperbaharui kaedah pengajaran mereka. Kajian ini juga mencadangkan kepada penyelidik akan datang untuk melaksanakan kajian kuantitatif bagi mendapatkan data korelasi antara amalan PdP guru terhadap prestasi murid dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

## Rujukan

Ahmad Fuad, C. D., Nik Farhan, M., Pabiyah, H., Ab Halim, M., & Mohd Azidan, A. J. (2022). Problems in Arabic Writing Skills among Malay Students in Malaysia: A Review. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 12(1), 2028-2039.

*Akta Pendidikan*. (1996). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Aman Shah, S. A., Zamri, M., & Mohammed Azlan, M. (2021). Masalah Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif di Sekolah Rendah. *Konvensyen Bahasa Melayu 2021* (p. 19). IPG Kampus Bahasa Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anuar, S. (2019). Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Analisa Kelemahan Pelajar UITM Melaka. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 58-65.

- Azlan, S. B., & Mohamad Hazwan, A. R. (2020). Pengajaran Kemahiran Bertulis Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia Berteraskan Analisis Pelbagai Kesalahan Bahasa dalam Sintaksis Bahasa Arab. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities*, 3(1), 59-85.
- Azlan, S., Rosni, S., & Asma , A. (2022). Kesalahan Ortografi dan Implikasinya melalui Penulisan Esei Berpandu Pelajar Bukan Penutur Arab: Satu Kajian di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Humanika*, 14(2), 1-11.
- Colognesi, S., Vassart, C., Blondeau, B., & Coertjens, L. (2020). Formative Peer Assessment to Enhance Primary School Pupils's Oral Skills: Comparison of Written Feedback Without Discussion or Oral Feedback During A Discussion. *Studies in Educational Evaluation*, 67, article 100917.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2015). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2016). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2017). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2018). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2019). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2023). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kamus Dewan (4th ed.). (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mualimin. (2017). Konsep Fitrah Manusia dan Implikasinya dalam Pendidikan Islam. *Al-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam*, 8(11), 249-266.
- Muhammad Azhar, Z., Mohd Faisal, M., Wail Muin, I., Anfal Gulam, M., & Syed Kamaruzaman, S. A. (2015). Writing Skill in Arabic Language Essay in Malaysian Secondary School. *International Journal of Social Science & Human Behaviour Study*, 2(2), 135-139.
- Muhammad Zahri, A. K., & Muhammad Haron, H. (2016). Tahap Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 3(1), 123-138.
- Nafi @ Hanafi, D., Muhammad Sabri, S., Rusni, H., Abdul Wahab, Z., Zakaria, O., & Mohd Feham, M. G. (2017). Prototype Development of Mobile App for Trilingual Islamic Banking and Finance Glossary of Terms via iOS and Android Based Devices. *iJIM*, 11(3), 145-161.
- Noradzimah, A. M., Roslan, S., Kamaruddin, I., & Azmi, A. H. (2021). Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) dalam Pentaksiran Kerja Kursus Program PISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGKI). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(2), 45-61.
- Norafidah, N. (2017). *Pembinaan Model Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Berdasarkan Teori Konstruktivisme*. [Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Nor Effendy, A. S., & Mohammad Rofian, I. (2017). Analisis Kesalahan Nahu (Sintaksis) Bahasa Arab dalam Karangan Pelajar Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *National Pre University Seminar*, (pp. 252-260).
- Nur Anisa Zakiah. (2022). *An Analysis of Essay Writing Difficulties Faced by the Third Semester Students in English Language Education of FKIP Universitas Islam Riau*. [Tesis Sarjana Muda. Universitas Islam Riau].
- Okarisma Mailani, Irna Nuraeni, Sarah Agina Syakila, & Jundi Lazuardi. (2022). Bahasa Sebagai Alat Komunikasi dalam Kehidupan Manusia. *KAMPRET Journal*, 1(2), 1-10.
- Parimala, K. (2022). *Kesediaan dan Amalan Teknik Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah*. [Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Pasand, P., & Haghi, E. (2013). Process-product Approach to Writing: The Effect of Model Essays on EFL Learner's Writing Accuracy. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 2(1), 75-79.

Seefeldt, C. (2011). *Helping Children Communicate. Early Childhood Today*. Scholastic.

Sumaiyah, S., Nik Farhan, M., Pabiyah, T., & Wan Muhammad, W. S. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(2), 142-151.

Zawiyah, A. (2015). *Kesan Program Perkhemahan Terhadap Motivasi dan Pencapaian Bahasa Arab Pelajar*. [Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia].

Zuriatun Hasanah, & Ahmad Shofiyul Himami. (2021). Model Pembelajaran Kooperatif dalam Menumbuhkan Keaktifan Belajar Siswa. *IRSYADUNA: Jurnal Studi Kemahasiswaan*, 1(1), 1-13.